

18/06/2002

Jawatankuasa profesional kaji guna bahasa Inggeris (HL)

Magendran Rajagopal; Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Isnin - Sebuah jawatankuasa profesional Kementerian Pendidikan, akan mengkaji cadangan pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik di semua peringkat persekolahan mulai tahun depan.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamad, berkata jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kementerian itu, sudah beroperasi sejak sebulan lalu bagi mengkaji pelaksanaan cadangan berkenaan.

Malah, katanya, kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Sains dan Matematik akan diajar dalam bahasa Inggeris bagi semua peringkat persekolahan, bukannya pada Tahun Satu, sudah dibincangkan dalam Kabinet.

"Saranan Perdana Menteri itu adalah antara beberapa pilihan yang difikirkan kerana jika kita mengikuti pilihan melalui projek perintis bermula Tahun Satu, ia akan memakan masa lama.

"Kita terpaksa bertindak cepat dalam pelaksanaan bahasa Inggeris dan memperkasakan penguasaannya. Kita menghadapi dunia yang bersaing hebat dan harus menempatkan diri pada kedudukan yang selesa.

"Oleh itu, adalah penting bagi kita mencari jalan untuk melaksanakannya, kalau boleh, hari ini juga," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Dalam satu temu ramah yang disiarkan semalam, Dr Mahathir berkata pelaksanaan secara serentak pengajaran dua subjek itu dalam bahasa Inggeris bagi sekolah rendah dan menengah perlu kerana jika ia bermula pada Tahun Satu saja, ia akan mengambil masa 11 tahun untuk menampakkan hasil.

Musa menjelaskan, pilihan itu hanya satu daripada beberapa kemungkinan yang dipertimbangkan jawatankuasa berkenaan dan pelan bertindak akan dimulakan secepat mungkin bagi memastikan pelaksanaannya berjaya.

Mengenai persiapan pelajar dan guru bagi pelaksanaan cadangan itu, jawatankuasa akan mempertimbangkan semua perkara itu.

Mengenai usul undi tidak percaya oleh Umno Bahagian Senai terhadapnya, Musa berkata beliau akan menjawabnya pada Perhimpunan Agung Umno, yang bermula Khamis ini.

Beliau menyifatkan usul seumpama itu perkara biasa dan bukan kali pertama orang memberi pendapat ekstrim yang sepatutnya dibangkitkan padamesyuarat Majlis Tertinggi atau Kabinet.

"Itu sebabnya kalau orang nak cakap, beri pandangan atau buat keputusan, haruslah menyelidik faktanya secara menyeluruh tetapi saya dapati banyak kes di mana orang tidak berdasarkan pendapat mereka kepada fakta.

"Mereka berhak memberi pandangan tetapi seeloknya ia dikemukakan kepada MT atau perhimpunan agung parti," katanya.

Rabu lalu, Umno Bahagian Senai meluluskan usul tidak percaya terhadap Musa atas dakwaan beliau gagal mempertahankan kepentingan pelajar Bumiputera.

Ketua Umno bahagian itu, Adam Abdul Hamid, berkata Musa menjejaskan peluang pelajar Bumiputera kerana membenarkan kuota 10 peratus kemasukan pelajar bukan Melayu ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan matrikulasi.

(END)